

ITEX 2017: Penyelidik UMS raih dua emas dan empat perak

UB 24.5.2017 B3

PENYELIDIK Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mempamerkan pelbagai pencapaian melalui pengiktirafan dalam penyertaan pameran penyelidikan bertaraf antarabangsa.

Terbaharu, UMS sekali lagi berjaya meraih dua pingat emas dan empat perak dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2017 yang berlangsung tiga hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Pingat emas pertama diraih oleh penyelidik Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan UMS Dr Takashi Kamada melalui inovasi beliau yang bertajuk 'SYZYGIUM: New Anti-Fungal Nutraceuticals'.

Manakala, Dr Chee Fuei Pien dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) menyumbang pingat emas kedua UMS dengan inovasi bertajuk 'Eye Tracking Electronic Wheel Chair for Physically Challenged Person'.

Penyampaian pingat emas itu disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah pada hari kedua sempena Malam Budaya Cipta.

Takashi turut mencatat nama sebagai penerima



PEMENANG pingat Emas Takashi (dua dari kanan) dan Chee (tepi, kanan).

anugerah pingat perak melalui inovasi bertajuk 'Novel Anti-Adult T-Cell Leukemia Drug from Bornean Red Alga *Laurencia majuscula*'.

Dengan inovasi bertajuk 'SSA-GIS (School Suitability Analysis Using Geographic Information Systems)', turut bersama Takashi menyumbang pingat perak ialah Dr Gaim @James Lunkapis dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

Dua pingat pingat perak selebihnya pula diraih oleh penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Prof Madya Dr Maher Fouad Sefein Beshay melalui dua inovasi

beliau iaitu, 'Portable Capturing System for Nystagmus (PCSN)' dan 'Window to the World (An Interactive Model for Extraocular Muscles)'.

Pameran pertandingan inovasi dan teknologi itu merupakan pameran tahunan anjuran Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

Bertemakan 'Inventing for a Better World', ITEX 2017 mempamerkan lebih 1,000 rekacipta daripada peserta pelbagai negara merangkumi Korea Selatan, Arab Saudi, Iran, Thailand, Poland, Mesir, Kuwait, Bahrain, Indonesia, Taiwan selain tuan rumah Malaysia.